



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KOMPETENSI GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TASKA DAN TADIKA

NUR HAFIZALIYANA BINTI HASSAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka ciri-ciri guru pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) yang kompeten berdasarkan perspektif pakar PAKK, pegawai kerajaan dan pengusaha TASKA dan TADIKA. Kajian ini melibatkan 26 orang informan yang terdiri daripada tujuh orang pakar PAKK, tujuh orang pegawai kerajaan dan 12 orang pengusaha TASKA dan TADIKA. Temu bual separa berstruktur dijalankan bagi memperoleh data berkaitan ciri-ciri guru PAKK yang kompeten. Analisis tematik yang dijalankan menghasilkan empat tema utama yang menyokong tinjauan literatur iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan sahsiah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua sumber ilmu pengetahuan guru PAKK, iaitu kelayakan akademik dan program pembangunan profesional. Dari segi kemahiran, antara kemahiran yang perlu dimiliki oleh guru PAKK yang kompeten ialah kemahiran pedagogi, kemahiran komunikasi, kemahiran bahasa Inggeris dan kemahiran ICT. Dari segi pengalaman, dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru PAKK perlu memiliki pengalaman bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan dan sistematis. Dari segi sahsiah, dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru PAKK yang kompeten perlu memiliki personaliti seperti penyayang, sabar, prihatin, komited, sifat keibuan, jujur dan minat dengan kanak-kanak. Di samping itu, analisis tematik yang dijalankan turut membawa kepada perolehan satu tema baharu berkaitan kompetensi guru PAKK, iaitu kreativiti. Berdasarkan analisis tersebut, guru PAKK yang kompeten didapati perlu memiliki kreativiti dalam penyediaan dan penggunaan bahan pembelajaran kanak-kanak. Sebagai kesimpulan, dapatkan kajian mendapati guru-guru PAKK perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, pengalaman, sahsiah dan kreativiti bagi meningkatkan kualiti PAKK. Implikasi kajian ini membawa kepada pembinaan satu kerangka kompetensi guru PAKK yang boleh dijadikan rujukan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam bidang PAKK.





## **COMPETENCY EARLY CHILDHOOD EDUCATION TEACHERS AT CHILDCARE CENTRES (*TASKA*) AND CHILD EDUCATION CENTRES (*TADIKA*)**

### **ABSTRACT**

This study aimed to explore the characteristics of competent Early Childhood Education (ECE) teachers from the perspectives of ECE experts, government officers and *TASKA* and *TADIKA* operators. This study involved 26 informant consisting of seven ECE experts, seven government officers and 12 *TASKA* and *TADIKA* operators. Semi-structured interviews were conducted to obtain data regarding the characteristics of competent ECE teachers. The thematic analysis produced four major themes which support the literature review, namely knowledge, skills, experience and personality. The findings indicated that there were two sources of knowledge of ECE teachers, namely academic qualification and professional development programs. In terms of skills, the skills needed by competent ECE teachers were pedagogical skills, communication skills, English language skills and ICT skills. In terms of experience, the findings showed that ECE teachers should have some experience to ensure that the teaching and learning process would be implemented effectively and systematically. In terms of personality, the findings indicated that competent ECE teachers should possess a good personality such as loving, patient, caring, committed, motherly attributes, honest and interested in children. Additionally, the thematic analysis conducted also led to the acquisition of one new theme regarding the competency of ECE teachers, namely creativity. Based on that analysis, competent ECE teachers need to be creative in the preparation and utilization of children's learning materials. In conclusion, the findings indicated ECE teachers need to equip themselves with knowledge, skills, experience, personality and creativity to improve the quality of ECE. The implication of this study led to the development of a framework of ECE teachers' competency which could be used as a reference by the parties involved in the ECE field.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii



<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv

### BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang kajian	4
1.3 Penyataan masalah	7
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Kepentingan kajian	11
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Definisi Operasional	14
1.8.1 Kompetensi	14





1.8.2 Guru	15
1.8.3 Pendidikan Awal Kanak-Kanak	15
1.9 Rumusan	16

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	17
2.2 Konsep Pendidikan Awal Kanak-kanak	18
2.3 Model-model Standard Kompetensi Guru	19
2.3.1 Model Standard Guru Malaysia (SGM)	19
2.3.2 Model Kompetensi <i>Iceberg</i>	22
2.3.3 Standard Kompetensi Guru di Australia	24
2.3.4 Standard Kompetensi Pendidik Guru di Netherland	28
2.3.5 Standard Kompetensi Guru-guru Bertauliah di Scotland	29
2.3.6 Standard Kompetensi Guru di British Columbia Kanada	32
2.4 Analisis Model-model Kompetensi Guru	36
2.5 Konsep Kompetensi	40
2.6 Kompetensi Guru PAKK	43
2.7 Kajian Berkaitan Kompetensi Guru PAKK	52
2.8 Rumusan	61





## BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	62
3.2	Pendekatan Kajian	63
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	65
3.4	Instrumen Kajian	67
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	68
3.6	Kajian Rintis	70
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	71
3.8	Teknik Analisis Data	75
3.9	Etika dalam Penyelidikan	77
3.10	Rumusan	78



## BAB 4 DAPATAN KAJIAN



4.1	Pendahuluan	79
4.2	Analisis Demografi Informan	80
4.3	Ilmu Pengetahuan	82
4.4	Kemahiran	86
4.5	Pengalaman	90
4.6	Sahsiah	92
4.7	Kreativiti	97
4.8	Rumusan	99





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



x

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1 Pendahuluan	100
5.2 Ringkasan Kajian	101
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	102
5.3.1 Ilmu Pengetahuan	102
5.3.2 Kemahiran	104
5.3.3 Pengalaman	108
5.3.4 Sahsiah	109
5.3.5 Kreativiti	111
5.4 Implikasi Dapatan Kajian	112
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	117
5.6 Kesimpulan	119
<b>RUJUKAN</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	



05-4506832



sta

Kesimpulan

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



118

tbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Informan Temu Bual	65
3.2 Jumlah Sampel Kajian	66
3.3 Tema Temu Bual	76
4.1 Latar Belakang Demografi Informan	80
4.2 Tema Ilmu Pengetahuan	86
4.3 Tema Kemahiran	89
4.4 Tema Sahsiah	97



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Model Standard Guru Malaysia (SGM)	21
2.2 Model Kompetensi <i>Iceberg</i>	23
2.3 Rangka Kerja Kebangsaan Profesional Perguruan Australia	27
2.4 Kerangka Kompetensi Guru	39
2.5 Ilmu Pengetahuan	45
2.6 Kemahiran	48
2.7 Sahsiah	51
3.1 Prosedur Pengumpulan Data Temu Bualan	74
3.2 Prosedur Analisis Tematik	77
5.1 Kerangka Kompetensi Guru PAKK	116





## SENARAI SINGKATAN

ICT	<i>Information And Communication Technology</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
IQ	<i>Intelligence Quotient</i>
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
NAEYC	<i>National Association for the Education of Young Children</i>
NCDRC	National Child Development Research Centre
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
SGM	Standard Guru Malaysia
SKPK	Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TADIKA	Taman Didikan Kanak-kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiv

## SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Pelajar Menjalankan Penyelidikan
- B Pengesahan Rakan Penyelidik
- C Transkrip Temu Bual Individu
- D Transkrip Temu Bual Kumpulan Berfokus



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiv



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

|

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832

**1.1 Pendahuluan**du.myPerpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pendidikan di Malaysia memberi penekanan terhadap usaha mempertingkatkan potensi seseorang secara holistik bagi melahirkan generasi yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Malah, usaha pendidikan di Malaysia ini juga berhasrat untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan seterusnya mampu mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (KPM, 2016).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Terdapat tiga peringkat persekolahan di dalam pendidikan di Malaysia iaitu peringkat awal kanak-kanak, peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah (KPM, 2013). Kajian ini memberi fokus terhadap pendidikan di peringkat awal kanak-kanak. Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) merupakan peringkat terawal yang melibatkan kanak-kanak berusia dari lahir hingga enam tahun (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014). Selain itu, peringkat ini juga merupakan peringkat yang merangkumi asuhan pendidikan formal dan pendidikan tidak formal (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014).

PAKK di Malaysia merangkumi dua peringkat berdasarkan tahap umur kanak-kanak. Peringkat pertama dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), manakala peringkat kedua adalah Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA). TASKA dan TADIKA merupakan institusi yang memainkan peranan penting bagi menyampaikan pendidikan yang terawal dalam peringkat usia muda kanak-kanak. TASKA merupakan tempat kanak-kanak di bawah usia empat tahun, manakala TADIKA pula merupakan tempat yang menyediakan pengalaman awal untuk perkembangan dan pembelajaran bagi kanak-kanak pada peringkat usia empat hingga enam tahun (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014).

PAKK merupakan asas kepada pembinaan sesuatu bangsa (Nor dan Fauziah, 2015). Pada masa kini, PAKK juga turut memberi penekanan terhadap kepelbagaiannya kanak-kanak dan amalan bersesuaian perkembangan kanak-kanak *National Association for the Education of Young Children* (NAEYC, 2011). Menurut Dato' Dr. Syed Ahmad Hussein yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia, dokumen MQA telah menggariskan pengetahuan dan





kompetensi yang diperlukan oleh guru PAKK yang profesional untuk menyediakan persekitaran yang merangsang tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak (Agenzi Kelayakan Malaysia, 2014).

Profesion perguruan merupakan profesi yang utama di dalam proses penyerapan ilmu pengetahuan terhadap individu dan masyarakat (Shahida wati, 2012). Bagi menghasilkan produk berkualiti dalam pendidikan, guru yang memperbaiki kompetensi diri berdasarkan perubahan persekitaran telah berjaya meningkatkan profesionalisme perguruan (Hassel, 2013). Dalam era globalisasi pada masa kini, peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar. Bagi merealisasikan visi dan misi Falsafah Pendidikan Negara, setiap guru harus mempunyai tahap kompetensi yang sewajarnya bermula dari guru prasekolah sehingga ke peringkat lebih tinggi (KPM, 2013). Hal ini kerana menurut laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, gelombang pertama turut memberi keutamaan kepada meningkatkan standard profesionalisme guru bermula dari peringkat guru prasekolah hingga ke peringkat sekolah menengah (KPM, 2013).

PAKK sememangnya menjadi aspek penting bagi menjamin kegemilangan dan kecemerlangan sesebuah negara dengan melahirkan generasi yang maju mengikut keperluan globalisasi (KPM, 2013). Penghasilan guru yang kompeten adalah fokus yang diberikan oleh pihak KPM yang telah memperkemaskan perancangan dan pembangunan sumber manusia dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2010). Oleh itu, dalam Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan, setiap aspek berkaitan pengendalian kanak-kanak prasekolah di dalam mahupun di luar bilik darjah





memerlukan guru yang memiliki kompetensi diri serta minat dan sikap yang positif bagi mencapai kualiti pendidikan (KPM, 2015). Justeru itu, PAKK wajar diberikan perhatian serius khususnya kepada kompetensi guru-guru di TASKA dan TADIKA bagi menjamin kualiti PAKK.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kompetensi bukan sahaja penting di dalam profesion sesuatu pekerjaan tetapi juga penting bagi profesion perguruan di TASKA dan TADIKA (Son, Kwon, Jeon & Hong, 2013). Perkembangan kanak-kanak turut terganggu sekiranya guru tidak kompeten di TASKA dan TADIKA (Line, 2016). Hal ini kerana asas perkembangan

kanak-kanak bermula apabila mereka berumur dari lahir hingga lima tahun, di mana umur ini merupakan saat yang sangat kritikal dalam kehidupan mereka (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014). Di samping itu, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan juga bertujuan untuk memastikan bukan sahaja dapat menghasilkan guru yang kompeten, tetapi dapat memastikan guru yang kompeten ini kekal berkualiti di sepanjang tempoh mereka berkhidmat (KPM, 2016).

Kepentingan PAKK perlu dipandang serius oleh semua pihak. Hal ini kerana ahli psikologi menetapkan tempoh dari lahir hingga lima tahun ini adalah sebagai “tahun pembentukan” untuk menandakan bermulanya asas perkembangan kanak-kanak (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014). Menurut Robert (1953), peringkat awal kanak-kanak adalah dari umur lahir hingga enam tahun di mana, peringkat ini kanak-kanak mula belajar bercakap dan berinteraksi dengan orang lain. Maka,





perkembangan sesuatu aspek saling mempengaruhi perkembangan aspek yang lain (Mok, 2010). Perhubungan ini dibentuk melalui interaksi kanak-kanak dengan orang lain di mana kualiti pertumbuhan otak bergantung kepada pengalaman awal (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014).

Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, kompetensi guru PAKK merangkumi empat komponen utama, iaitu ilmu pengetahuan (Line, 2016; Choi, 2011), kemahiran (Kroflic & Vitulic, 2015; Ho & Lin, 2015; Heikka, Halttunen & Waniganayake, 2016; Londal & Greve, 2015), pengalaman (Bullock, Coplan & Bosacki, 2015; Son et al., 2013) dan sahsiah (Chu, 2003; Bouillet, Ivanec & Ridicki, 2014). Daripada segi ilmu pengetahuan, Line (2016) menyatakan bahawa keberkesanan pembelajaran guru sedikit sebanyak turut dipengaruhi oleh kelayakan akademik yang dimiliki oleh mereka. Pendapat Line (2016) turut disokong oleh Choi (2011) yang menyatakan bahawa kelayakan akademik turut memberi kesan terhadap keberkesanan perkembangan kanak-kanak dalam subjek matematik. Secara spesifik, semakin tinggi kelayakan akademik yang dimiliki oleh guru, semakin tinggi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran mereka di TASKA dan TADIKA.

Dari segi kemahiran, Kroflic dan Vitulic (2015) menyatakan bahawa tingkah laku sosial kanak-kanak sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kemahiran guru dalam melaksanakan pendekatan pendidikan induktif yang komprehensif di dalam prasekolah. Kenyataan ini turut disokong oleh Ho dan Lin (2015) yang menyatakan bahawa kemahiran guru dalam memimpin kanak-kanak dapat meningkatkan kualiti pembelajaran kanak-kanak. Menurut Heikka, Halttunen dan Waniganayake (2016), kemahiran merancang, mentaksir, dan membuat keputusan berkaitan pembelajaran





kanak-kanak merupakan ciri-ciri yang harus dimiliki oleh guru PAKK. Selain itu, kemahiran komunikasi guru bersama kanak-kanak juga turut mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dalam menguruskan permainan mereka (Londal & Greve, 2015).

Dari segi pengalaman, Bullock, Coplan dan Bosacki (2015) menyatakan bahawa keberkesanan pengurusan bilik darjah turut dipengaruhi melalui tempoh pengalaman mengajar seseorang guru. Son et al. (2013) menyatakan bahawa kemahiran guru prasekolah turut dipengaruhi dengan pengalaman pengajaran guru PAKK. Manakala dari segi sahsiah, Chu (2003) menyatakan bahawa sifat keperibadian guru dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran kanak-kanak. Bouillet, Ivanec dan Ridicki (2014) menyatakan bahawa keberkesanan proses pembelajaran kanak-kanak dipengaruhi oleh personaliti guru PAKK.



Sehubungan dengan itu, dalam usaha dan wawasan kerajaan untuk melahirkan guru yang kompeten dari pelbagai aspek, fokus tersebut perlu dipandang serius sewaktu di peringkat prasekolah lagi. Hal ini kerana PAKK yang berkualiti memerlukan golongan guru PAKK yang kompeten (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014). Justeru itu, salah satu aspek yang diperlukan untuk menjamin kualiti PAKK ialah kompetensi yang dimiliki oleh guru-guru PAKK. Secara dasarnya, kompetensi guru memainkan peranan utama dalam bidang kerjaya guru yang profesional bagi menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran. Jika dilihat dari segi kompetensi, seorang guru perlu memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi bagi menggalas tanggungjawab yang telah diberikan (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi & Husaina Banu, 2015).





Selain itu, kementerian juga sangat peka dengan keperluan guru sehingga mereka menyediakan sokongan yang diperlukan untuk memastikan guru mencapai tahap kompetensi yang diharapkan (KPM, 2013). Bagi menghadapi setiap aspek keperluan kompetensi, kementerian mereka bentuk portfolio program latihan khas untuk guru dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (KPM, 2013). Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada kompetensi guru-guru PAKK kerana faktor tersebut boleh mempengaruhi perkembangan kanak-kanak di TASKA dan TADIKA (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014). Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti ciri-ciri kompetensi guru PAKK di TASKA dan TADIKA.

### 1.3 Penyataan Masalah



Kompetensi guru TASKA dan TADIKA merupakan satu isu yang perlu dikenal pasti kerana kajian literatur menunjukkan bahawa kompetensi guru masih berada di tahap yang kurang memberangsangkan. Jika dilihat kepada kajian lalu menunjukkan masih lagi terdapat guru PAKK yang kurang kompeten dari segi ilmu pengetahuan (Line, 2016; Choi, 2011). Menurut Choi (2011), guru yang tidak mempunyai kelayakan akademik akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Hal ini kerana kelayakan akademik guru adalah salah satu komponen yang utama dalam memastikan kualiti pendidikan. Menurut Line (2016), terdapat perbezaan di antara guru yang memiliki ijazah dengan guru yang tidak memiliki ijazah di mana pembelajaran tidak akan berkesan sekiranya guru tidak mempunyai kelayakan akademik. Oleh itu, segala usaha perlulah diambil bagi memastikan isu berhubung





masalah guru yang tiada kelayakan akademik ini dapat diatasi di prasekolah (KPM, 2013).

Meskipun terdapat Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan, guru didapati masih kurang mahir dalam menyediakan keperluan mengajar di TASKA dan TADIKA. Menurut Willis, Dinehart dan Bliss (2014), hasil daripada kajiannya mendapati bahawa guru kurang mahir dalam kemahiran kendiri kanak-kanak dan juga kurang mahir dalam pelaksanaan alat pedagogi untuk meningkatkan kemahiran kendiri di dalam kelas PAKK. Malah, terdapat juga dalam kalangan guru PAKK baru yang berpengetahuan dalam menyediakan keperluan mengajar tetapi mempunyai masalah dari segi kemahiran melakukan aktiviti pengajaran (Siraj-Blatchford, Sylva, Muttock, Gilden & Bell, 2013).



Manakala, isu-isu lain berkaitan dengan kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran pula terjadi apabila guru tidak mempunyai pengalaman. Hal ini kerana pengalaman juga merupakan antara salah satu masalah mengapa guru tidak kompeten dalam pengajaran mereka (Amirafiza, Muhammad & Faisol, 2016). Oleh itu, pengalaman yang dimiliki oleh guru-guru TASKA dan TADIKA didapati memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanannya pembelajaran selaras dengan standard SKPK iaitu guru perlu memiliki pengalaman yang baik dalam pengendalian kanak-kanak prasekolah bagi meningkatkan kualiti pendidikan (KPM, 2015). Hal ini demikian kerana guru yang mempunyai pengalaman akan menghasilkan kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Bullock, Coplan & Bosacki, 2015). Tambahan pula, peringkat awal kanak-kanak amat penting dan sangat memerlukan penyediaan pengalaman guru yang bersesuaian dengan perkembangan





kanak-kanak. Justeru itu, guru seharusnya memiliki pengalaman bekerja berkaitan dengan persekitaran kanak-kanak.

Selain masalah tersebut, sahsiah guru turut memberi kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di TASKA dan TADIKA. Menurut Amirafiza et al. (2016), keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah turut dipengaruhi oleh sahsiah yang dimiliki oleh seorang guru. Hal ini kerana guru merupakan *role model* kepada kanak-kanak di TASKA dan TADIKA. Graue (2016) mencadangkan guru lebih meneliti perkembangan kanak-kanak agar guru mampu membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Justeru itu, sahsiah guru juga merupakan perkara yang perlu dipandang serius oleh semua pihak.



Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan didapati bahawa kebanyakan kajian berkaitan kompetensi guru melibatkan guru PAKK (Chu, 2003; Choi, 2011; Son et al, 2013; Wong & Li-Fang, 2013; Bouillet, Ivanec & Ridicki, 2014; Willis, Dinehart & Bliss, 2014; Kroflic & Vitulic, 2015; Londal & Greve, 2015; Bullock, Coplan & Bosacki, 2015; Ho & Lin, 2015; Heikka, Halttunen & Waniganayake, 2016; Balter, Van Rhijn & Davies, 2016; Line, 2016; Kim, Kang & Kang, 2016). Di samping itu, kebanyakan kajian lepas berkaitan kompetensi guru juga didapati dijalankan di luar negara (Chu, 2003; Choi, 2011; Son et al, 2013; Wong & Li-Fang, 2013; Bouillet, Ivanec & Ridicki, 2014; Willis, Dinehart & Bliss, 2014; Kroflic & Vitulic, 2015; Londal & Greve, 2015; Bullock, Coplan & Bosacki, 2015; Ho & Lin, 2015; Alqawi & Ezzeldin, 2015 ; Heikka, Halttunen & Waniganayake, 2016; Balter, Van Rhijn & Davies, 2016; Line, 2016; Kim, Kang & Kang, 2016). Justeru itu, kajian





ini akan mengisi jurang kajian lepas dengan menyelidik pandangan berkaitan kompetensi guru PAKK dengan melibatkan pakar PAKK, pegawai kerajaan dan pengusaha TASKA dan TADIKA di Malaysia. Kajian ini memberi fokus terhadap ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh guru PAKK yang kompeten. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam bidang PAKK di Malaysia.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah :



- i) meneroka kemahiran yang perlu dimiliki oleh guru pendidikan awal kanak-kanak yang kompeten.
- ii) meneroka pengalaman yang perlu dimiliki oleh guru pendidikan awal kanak-kanak yang kompeten.
- iii) meneroka sahsiah yang perlu dimiliki oleh guru pendidikan awal kanak-kanak yang kompeten.
- iv) meneroka ilmu pengetahuan yang perlu dimiliki oleh guru pendidikan awal kanak-kanak yang kompeten.





## 1.5 Persoalan Kajian

Soalan-soalan kajian yang cuba dijawab melalui kajian ini ialah:

- i) Apakah ilmu pengetahuan yang perlu dimiliki oleh guru pendidikan awal kanak-kanak yang kompeten?
- ii) Apakah kemahiran yang perlu dimiliki oleh guru pendidikan awal kanak-kanak yang kompeten?
- iii) Apakah pengalaman yang perlu dimiliki oleh guru pendidikan awal kanak-kanak yang kompeten?
- iv) Apakah sahsiah yang perlu dimiliki oleh guru pendidikan awal kanak-kanak yang kompeten?



## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi fokus terhadap ciri-ciri kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru PAKK. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam bidang PAKK di Malaysia.

Pertama, kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak KPM bagi mengetahui status kompetensi guru-guru PAKK. Selain itu, ianya dapat dijadikan satu penyelesaian yang boleh digunakan untuk merancang kursus dan latihan yang bersesuaian dengan guru PAKK agar dapat memantapkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di TASKA dan





TADIKA. Malah, kajian ini juga turut membantu pihak KPM dalam meningkatkan keberkesanan kursus dan latihan yang berkaitan dengan akademik, kemahiran, pengalaman dan sahsiah. Malah, hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak KPM terutamanya Bahagian Pendidikan Guru untuk menambahbaik tahap kualiti kompetensi guru di TASKA dan TADIKA.

Kedua, hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pengusaha bagi memperlihatkan kepada mereka akan status guru-guru yang ada di TASKA dan TADIKA mereka. Pengusaha diharapkan dapat menyusun pendekatan dan strategi yang sesuai bagi tujuan kesinambungan proses perkembangan profesionalisme guru-guru di TASKA dan TADIKA mereka melalui program latihan dalaman agar selaras dengan keperluan semasa.



Ketiga, kajian ini diharapkan dapat menyalurkan input kepada guru PAKK dalam usaha melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di TASKA dan TADIKA. Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai garis panduan atau kriteria yang diperlukan oleh guru PAKK agar mereka lebih kompeten di dalam profesi perguruan. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini juga mendorong guru PAKK terutamanya dalam membuat penilaian kendiri dan mengubah strategi pengajaran yang lebih dinamik agar selaras dengan kompetensi dan kecekapan dalam bidang tugas mereka sebagai seorang pendidik.





Keempat, dapatan kajian ini juga penting kepada bakal-bakal guru PAKK. Kajian ini juga bermanfaat kepada mereka yang sedang mengikuti program pra-perkhidmatan mahupun kepada mereka yang baru hendak menceburi dalam profesion perguruan ini. Dapatan kajian ini dapat memberi gambaran sebenar kepada bakal guru PAKK tentang kompetensi guru-guru dalam profesion perguruan. Daripada sini penilaian boleh dilakukan oleh bakal-bakal guru PAKK tentang kesesuaian dan kesediaan mereka untuk menjadi guru yang profesional.

Kelima, diharapkan kajian ini dapat membantu pihak universiti yang menawarkan kursus atau program PAKK dengan menyediakan pengetahuan yang boleh melengkapkan guru PAKK seperti praktikum, kursus PAKK dan program-program yang bersesuaian PAKK. Malah, pihak universiti juga dapat merangka pengetahuan untuk melahirkan guru PAKK yang bersedia dan lebih kompeten dengan bidang profesion perguruan mereka.

Keenam, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak di mana mereka dapat menerima pendedahan kepada pengalaman pembelajaran yang berkesan sekiranya proses pengajaran tersebut dikendalikan oleh guru yang kompeten. Dalam erti kata yang lain, kanak-kanak akan mendapat pendidikan yang berkualiti apabila mereka mempunyai guru yang kompeten di TASKA dan TADIKA.





## 1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian yang terdapat dalam kajian ini ialah pertama, kajian ini melibatkan sampel yang terdiri daripada pakar PAKK, pegawai kerajaan dan pengusaha TASKA dan TADIKA. Oleh yang demikian, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada sampel selain daripada pakar PAKK, pegawai kerajaan dan pengusaha TASKA dan TADIKA. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual. Oleh itu, dapatan kajian ini terbatas kepada dapatan yang diperolehi daripada temu bual sahaja dan bukan kaedah kualitatif yang lain seperti pemerhatian dan analisis dokumen.



Bahagian ini menghuraikan beberapa perkataan yang menjadi teras dalam kajian yang dijalankan ini. Penerangan ini bertujuan mengetahui skop penyelidik serta selari dengan objektif kajian yang telah dibina secara jelas dan tidak disalah tafsirkan. Di antara konsep dan istilah tersebut adalah seperti yang berikut:

### 1.8.1 Kompetensi

Menurut Saedah dan Mohammed (2012), kompetensi bermaksud kebolehan guru dalam menguasai aras kompetensi yang diperlukan sebagai satu ukuran yang telah ditetapkan untuk memenuhi kehendak individu, pelajar dan masyarakat. Dalam kajian ini, kompetensi merujuk kepada ilmu pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan





sahsiah yang perlu dimiliki oleh guru PAKK di TASKA dan TADIKA yang terletak di Malaysia.

### 1.8.2 Guru

Guru merupakan pendidik yang bertanggungjawab membimbing golongan yang perlu diajar dan dididik (Noriati, Boon & Sharifah, 2012). Dalam kajian ini, guru merujuk kepada guru yang mengajar di TASKA dan TADIKA sama ada TASKA dan TADIKA tersebut di bawah seliaan kerajaan mahupun swasta di Malaysia.

### 1.8.3 Pendidikan Awal Kanak-kanak

Pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia merujuk kepada program yang disediakan bagi kanak-kanak yang berusia dari lahir sehingga lapan tahun termasuk jagaan di TASKA dan TADIKA (Nor & Fauziah, 2015). Pendidikan awal kanak-kanak juga merupakan program pendidikan yang memberi jagaan dan bimbingan kepada kanak-kanak sejak lahir sehingga ke usia lapan tahun (NAEYC, 2015). Dalam kajian ini, pendidikan awal kanak-kanak merujuk kepada TASKA dan TADIKA kerajaan dan swasta di Malaysia.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
16

## 1.9 Rumusan

PAKK melibatkan proses pembelajaran formal dan tidak formal dari lahir hingga enam tahun. Kualiti PAKK turut bergantung kepada sejauhmana guru yang terlibat memiliki kompetensi yang merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran, sahsiah dan pengalaman. Kajian ini dijalankan bagi meneroka kompetensi yang dimiliki oleh guru-guru PAKK. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi input yang berguna kepada pihak-pihak yang terlibat dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi guru PAKK di Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi